

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1994/95

Oktober/November 1994

ATP301 - PERAKAUNAN PENGURUSAN

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi SEMBILAN muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan sahaja.

1. Syarikat San Soon mengeluarkan barang permainan kanak-kanak. Salah satu sejenis permainan yang dikeluarkan olehnya ialah pistol air daripada plastik.

Piawaian yang berikut telah ditetapkan untuk pengeluaran seunit pistol air itu:

	<u>Kuantiti</u> <u>piawai</u>	<u>Harga piawai</u> <u>(kadar)</u>	<u>Kos piawai</u>
Bahan mentah langsung	0.6 kg	RM 1.00	RM0.60
Buruh langsung	0.08 jam	10.00	0.80
Overhed berubah	0.10 jam	2.50	0.25
			<u>RM1.65</u>
			====

Pada minggu pertama bulan Julai, rekod syarikat yang sebenar menunjukkan maklumat yang berikut:

Unit dikeluarkan	40,000
Kos buruh sebenar	RM33,990
Jam buruh sebenar	3,300
Bahan dibeli dan diguna	23,000 kg @ RM1.05
Kos overhed berubah sebenar	13,250

...2/-

Pengurus belian telah menjumpai pembekal baru untuk membekalkannya plastik yang mempunyai kualiti lebih tinggi. Bahan baru ini telah digunakan pada minggu pertama bulan Julai. Juga, sebagai percubaan, aturan pengeluaran baru (new production layout) digunakan dan ianya memerlukan pekerja yang lebih mahir. Kualiti bahan yang lebih tinggi tiada memberi kesan ke atas penggunaan buruh dan kemahiran pekerja yang lebih tinggi pula tidak memberi kesan ke atas kuantiti bahan.


Dikehendaki:

- (a) Kirakan varians harga bahan dan varians kuantiti bahan. Sekiranya varians bagi bahan itu disebabkan oleh kualiti bahan yang lebih tinggi, adakah anda akan mencadangkan pengurus belian untuk terus membeli bahan berkualiti itu? Atau adakah bahan yang berkualiti biasa yang harus dibelikan? (Andaikan kualiti barang siap itu tidak banyak berubah).
- (b) Kirakan varians kadar buruh dan varians kecekapan buruh. Sekiranya varians buruh itu disebabkan oleh aturan pengeluaran yang baru, terangkan sama ada amalan ini harus diteruskan?
- (c) Rujuk bahagian (b). Jurutera perindustrian berpendapat bahawa aturan pengeluaran baru itu tidak harus dinilai hanya selepas seminggu penggunaannya kerana pekerja mengambil lebih kurang seminggu untuk menyesuaikan diri dengan cara baru itu. Sekiranya cara pengeluaran ini disambungkan pada minggu kedua dan jam buruh sebenar ialah 3,000 dan kos buruh ialah RM30,900, haruskah aturan pengeluaran baru itu digunakan? Andaikan varians yang timbul itu disebabkan oleh aturan baru, maka apakah penjimatan tahunan yang dianggarkan?

[20 markah]

...3/-

2. Graf-graf berikut membayangkan paten perilaku kos di mana paksi menegak membayangkan jumlah kos (bukan kos seunit) dan paksi melintang membayangkan tahap aktiviti atau volum.



Dikehendaki:

Untuk setiap situasi di bawah, pilih graf yang membayangkan corak kosnya dan berikan keterangan ringkas.

- (i) Kos menyewa mesin salinan foto ialah RM200 sebulan dan caj tambahan sebanyak RM0.02 setiap salinan dikenakan.
- (ii) Kedai Kasut E'tal menyewa satu ruang kedai di sebuah pasaraya. Sewa yang dikenakan ialah 7% dari jualan sehingga jumlah jualan tahunan sebanyak RM500,000 dan 4.5 % ke atas jualan melebihi RM500,000.
- (iii) Kos buruh langsung bulanan ialah RM15 sejam untuk 2,000 jam pertama dan RM25 sejam untuk semua kerja yang melebihi 2,000 jam.

...4/-

- (iv) Kos bahan mentah yang perlu dibeli dalam bentuk tambahan 1,000 kg.
- (v) Kos pengajian di sebuah kolej tempatan ialah RM220 seunit sehingga 15 unit. Unit-unit melebihi 15 unit tidak diperlukan bayaran.
- (vi) Kos pengajian di kolej tempatan berhampiran pula mengenakan RM4,500 sesemester untuk kursus yang diambil antara 12 hingga 16 unit. Pelajar yang mengambil kurang daripada 12 unit dicaj RM375 seunit. Pelajar yang mengambil lebih dari 16 unit dikenakan bayaran RM4,500 dan RM300 seunit melebihi 16 unit.
- (vii) Kedai dandan membelikan cecair untuk mengeluarkan inai dari jari pelanggan. Setiap botol cecair itu boleh digunakan untuk 50 jari.
- (viii) Pembelian mesin membasuh kain oleh kedai gunting rambut untuk membasuh tuala yang diguna oleh pelanggannya.
- (ix) Penggunaan borang tuntutan oleh pemegang polisi syarikat insurans untuk mengisikan tuntutan mereka.
- (x) Kos buruh di sebuah restoran di mana tiga pekerja sentiasa akan bekerja pada waktu biasa dan apabila diperlukan terutamanya pada musim perayaan, lebih ramai pekerja akan diambil bekerja.

[20 markah]

3. (a) Aiskrim Yumme Sdn. Bhd. mengeluarkan aiskrim yang dijual dalam bekas lima liter seunit. Harga dan kos pawai berubah seunit adalah seperti berikut:

Harga jualan	RM15
Bahan langsung	5
Buruh langsung	2
Overhed berubah	3

...5/-

Overhed tetap dianggarkan pada RM300,000 untuk tahun 1994. Pengeluaran sebenar ialah 150,000 unit di mana 125,000 unit telah dijual. Tidak ada varians dilaporkan untuk tahun 1994. Belanja pentadbiran dan jualan adalah seperti berikut:

Tetap RM50,000 setahun
Berubah RM1 seunit yang dijual

Dikehendaki:

- (i) Kirakan kos piawai seunit dengan menggunakan pengkosan serapan dan pengkosan berubah.
 - (ii) Sediakan penyata pendapatan tahun 1994 berdasarkan pengkosan serapan dan pengkosan berubah.
 - (iii) Selaraskan penyata pendapatan syarikat.
- (b) Terangkan kenapa firma yang mempunyai tahap inventori yang kecil pada amnya tidak menghindari sama ada pengkosan serapan atau pengkosan berubah digunakan?

[20 markah]

4. Syarikat Henna mengeluarkan dua produk A dan B. Penyata pendapatan yang bentuk berpetak untuk penggal terakhirnya adalah seperti berikut:

	<u>Produk A</u>	<u>Produk B</u>	<u>Jumlah</u>
Jualan	RM150,000	RM80,000	RM230,000
Kos berubah	(80,000)	(46,000)	(126,000)
Margin caruman	<u>RM 70,000</u>	<u>RM34,000</u>	<u>RM104,000</u>
Belanja tetap langsung*	(20,000)	(38,000)	(58,000)
Margin petak	<u>RM 50,000</u>	<u>RM(4,000)</u>	<u>RM 46,000</u>
Kos tetap umum			(30,000)
Pendapatan bersih			<u>RM 16,000</u>
			=====

* Termasuk susutnilai

...6/-

Sejenis motor kecil digunakan untuk mengeluarkan produk A dan ianya dibeli dari pembekal luar pada harga RM25 seunit. Setiap penggal 2,000 unit motor itu dibelikan. Semua unit yang dikeluarkan dijual maka tidak terdapat inventori akhir bagi motor tersebut. Pengurus syarikat sedang mempertimbangkan sama ada hendak mengeluarkan motor itu atau terus membelinya. Kos pengilangan berubah seunit motor itu adalah seperti berikut:

Bahan mentah	RM2
Buruh langsung	3
Overhed berubah	2

Terdapat dua alternatif untuk membekalkan kapasiti pengeluarannya:

- (i) Sewa bangunan dan peralatan pada kos RM27,000 sepenggal dan bayar RM10,000 sepenggal untuk seorang penyelia. Tiada lain-lain belanja tetap.
- (ii) Hentikan produk B. Sesuaikan peralatan produk B untuk mengeluarkan motor itu tanpa sebarang kos dan kawasan bangunan pula boleh digunakan. Belanja tetap langsung termasuk penyeliaan ialah RM38,000 termasuk RM8,000 untuk susutnilai peralatan. Sekiranya produk B dihentikan ini tidak akan memberi kesan ke atas jualan produk A.

Dikehendaki:

- (a) Haruskah syarikat membuat atau membeli motor tersebut? Sekiranya syarikat membuat motor itu alternatif yang manakah harus dipilih? Terangkan dengan menunjukkan pengiraan.
- (b) Apakah faktor-faktor kualitatif yang perlu dipertimbangkan semasa menilai alternatif-alternatif pada (a)?
- (c) Sekiranya menghentikan produk B akan mengurangkan jualan produk A sebanyak 6%, apakah kesannya ke atas keputusan?
- (d) Andaikan, yang menghentikan produk B mengurangkan jualan produk A sebanyak 6% dan 2,800 motor diperlukan sepenggal dan seperti biasa, tidak ada inventori akhir pada motor dan semua unit dikeluarkan adalah dijual. Juga andaikan, harga jualan seunit dan kos berubah adalah sama seperti pada (a). Sekiranya alternatif menyewa [alternatif (i)] digunakan apakah keputusan yang harus dibuat?

[20 markah]

...7/-

5. (a) Maklumat berikut adalah untuk jabatan pemasangan sebuah syarikat:

Kadar overhead ialah RM4 sejam buruh langsung berdasarkan jangkaan overhead berubah sebanyak RM100,000 setahun.

Overhed tetap dijangka pada RM300,000 setahun. Jam buruh langsung dijangka pada 100,000 jam setahun.

	<u>Jam buruh langsung digunakan</u>	<u>Kos overhead berlaku*</u>
6 bulan pertama	60,000	RM218,000
6 bulan akhir	36,000	186,000

* Kos tetap sebenar adalah sama dengan amaun yang dijangkakan.

Dikehendaki:

- (i) Apakah amaun overhead terlebih atau terkurang diserap untuk setiap tempoh enam bulan?
 - (ii) Terangkan perkara-perkara yang mungkin menyebabkan overhead terlebih atau terkurang diserap. Tumpukan kepada kos berubah dan tetap secara berasingan.
- (b) Syarikat Textile mempunyai dua bahagian dengan pencapaian berikut untuk tahun 1993.

	<u>Bahagian I</u>	<u>Bahagian II</u>
Pendapatan	RM 200,000	RM 900,000
Purata modal	RM1,000,000	RM6,000,000
ROI	20%	15%

Dikehendaki:

Dengan mengandaikan kos modal pada (i) 10% dan (ii) 15%, bahagian manakah menunjukkan pencapaian paling baik? Terangkan.

[20 markah]

...8/-

6. (a) Tanaman Hijau Sdn. Bhd. memperuntukan semua kos overhead ibu pejabat kepada bahagian-bahagiannya. Kos pengauditan dan kos guaman diperuntukkan berdasarkan waktu yang diguna untuk kerja tersebut. Tetapi lain-lain kos yang lebih susah untuk diperuntukkan seperti gaji eksekutif, sewa, susutnilai, dan perjalanan diperuntukkan berdasarkan hasil yang didapati oleh bahagian itu.

Peruntukan berasaskan hasil untuk tahun 1991 adalah seperti berikut (ribu ringgit):

<u>Bahagian</u>	<u>Hasil</u>	<u>Kos diperuntukkan</u>
Utara	RM120	RM 3
Selatan	240	6
Timur	240	6
Jumlah	<u>RM600</u> =====	<u>RM15</u> =====

Untuk tahun 1992 hasil bahagian Utara tidak berubah tetapi hasil bahagian Timur meningkat ke RM280 ribu. Bahagian Selatan menjangkakan hasil akan meningkat tetapi disebabkan oleh persaingan yang hebat, hasil berkurangan ke RM200 ribu. Jumlah kos diperuntukkan berasaskan hasil adalah sama pada RM15 ribu.

Dikehendaki:

- (i) Kirakan kos yang diperuntukkan kepada setiap bahagian untuk tahun 1992.
- (ii) Apakah pandangan pengurus setiap bahagian berkenaan peruntukan 1992 berbanding dengan 1991? Apakah kelemahan peruntukan kos berasaskan hasil?
- (iii) Anggaran hasil untuk 1992 ialah RM120 ribu, RM240 ribu dan RM280 ribu untuk Utara, Selatan dan Timur dan nilai anggaran ini dianggap sebagai penggerak kos (cost driver) untuk tujuan peruntukan. Kirakan peruntukan kos kepada setiap bahagian bagi 1992. Adakah kaedah ini lebih baik berbanding jawapan pada (i)? Terangkan.

...9/-

ATP301

- (iv) Kenapakah selalunya akauntan dan pengurus-pengurus tidak suka kos ibu pejabat (kos umum) itu diperuntukkan?
- (b) Terangkan kenapakah peruntukan kos diperlukan.

[20 markah]

---ooo000ooo---